

Bil. S 9

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PERATURAN-PERATURAN PERLEMBAGAAN
(WAKIL-WAKIL DAERAH) (PERJALANAN PEMILIHAN UNTUK DILANTIK),
2005**

Notis mengenai tarikh dll. bagi pemilihan calon-calon di bawah peraturan 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan, oleh peraturan 3 dari Peraturan-Peraturan Perlembagaan (Wakil-Wakil Daerah) (Perjalanan Pemilihan untuk Dilantik), 2005, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini menentukan bahawa pengemukaan nama-nama calon yang layak untuk dipilih menjadi Wakil-Wakil Daerah dalam Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Brunei dan Muara akan dijalankan pada hari Sabtu, 1 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 12 haribulan Mac, 2005 pada jam 9.00 pagi di Bilik Gerakan Silaturrahim, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Bertarikh pada hari ini 29 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 10 haribulan Mac, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**